

## **BAB III**

### **PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN SRJK(C)**

Sebagaimana yang diuraikan di dalam bab yang lalu, adalah menjadi dasar rasmi Kementerian Pendidikan untuk bertanggungjawab terhadap pembiayaan dan pembangunan SRJK(C) yang telah diiktiraf sebagai sebahagian dalam sistem pendidikan kebangsaan. Sungguhpun demikian, Kementerian Pendidikan tidak dapat memenuhi tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua Tuan berhubung dengan layanan yang sama rata di antara SRJK(C) dengan SRK/SK kerana keteguhan mereka untuk mempertahankan kuasa autonomi dan status quo SRJK(C).

Dalam bab ini pula, perbahasan dan kontroversi dalam proses pengurusan dan pentadbiran SRJK(C) diketengahkan. Dua perkara asas mendasari pemerhatian ini. Pertama, jelas kelihatan bahawa masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C) secara berpanjangan bukan sahaja menimbulkan perasaan curiga dan tidak puas hati Dong Jiao Zong dan Hua Tuan, tetapi juga mempengaruhi rancangan latihan guru Kementerian Pendidikan. Kedua, kontroversi yang timbul akibat daripada peruntukan Seksyen 26(A) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan tarikh dan cara pembubaran Lembaga Pengelola Sekolah.

## Tenaga Pengajar Terlatih

Jika kita mengimbas kembali sejarah latihan keguruan semasa penjajahan British, didapati memang tiada latihan perguruan yang terancang bagi sekolah Cina. Kebanyakan guru sekolah Cina adalah dibawa masuk dari negara China. Sehingga tahun 1930, barulah Latihan Perguruan Normal Simplified (*Simplified Normal Training Course*) yang tidak terancang tetapi dibiayai oleh Kerajaan British diadakan. Murid-murid yang telah tamat darjah enam sekolah rendah diberi latihan perguruan selama empat tahun, dan yang lulus Junior Middle III, diberi latihan intensif selama setahun.<sup>1</sup> Selanjutnya Kursus Latihan Hujung Minggu (*Week-end Teacher Training Course*) dimulakan pada tahun 1948 bagi melatih guru-guru sekolah Cina dan kemudiannya bertukar menjadi Kursus Dalam Masa Cuti (*Vacation Teacher Training Course*). Berikutan perkembangan ini, kerajaan British pula membuka kelas Latihan Perguruan Senior Normal sepenuh masa yang diadakan di sekolah menengah Cina.<sup>2</sup>

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Kementerian Pendidikan telah mengambil alih tanggungjawab sepenuhnya untuk melatih guru-guru bagi semua sekolah rendah bantuan kerajaan. Ini adalah berlandaskan kepada usul Jawatankuasa Razak supaya guru-guru dalam semua jenis sekolah rendah

---

<sup>1</sup> Mohammed Sani B. Ibrahim, *Falsafah Pendidikan Guru di Malaysia*, Pendidikan Guru, Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan, Kuala Lumpur, Terbitan khas, 1982, hlm. 110-111.

<sup>2</sup> *Ibid.*, hlm.111.

mempunyai kelulusan minimum yang sama, iaitu sekurang-kurangnya tamat tiga tahun pendidikan menengah sebelum mereka diterima masuk menjalani latihan, sama ada di maktab-maktab perguruan ataupun pusat-pusat latihan harian.<sup>3</sup> Berdasarkan saranan Jawatankuasa Razak ini, kerajaan telah menukuhkan Pusat Latihan Harian untuk melatih guru bagi semua sekolah rendah di negara ini. Guru pelatih yang memperoleh Sijil Pelajaran Rendah dilatih di Pusat Latihan Harian selama tiga tahun dan ditempatkan di sekolah rendah selepas tamat latihan mereka.

Sungguhpun demikian, golongan pemimpin SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan rasa tidak puas hati terhadap masalah kekurangan guru terlatih yang sering dihadapi oleh SRJK(C). Mereka mendakwa Kementerian Pendidikan tidak mempunyai rancangan jangka panjang yang berkesan untuk melatih guru-guru sekolah-sekolah rendah termasuklah SRJK(C). Setiap tahun, masalah kekurangan guru terlatih paling ketara pada permulaan penggal persekolahan dan semasa pengambilan pelajar baru universiti-universiti tempatan. Pada kebiasaananya, SRJK(C) terpaksa mengambil langkah sementara untuk mengisi kekosongan jawatan guru sama ada mencantumkan kelas-kelas yang menghadapi kekurangan guru atau pun mengambil guru sementara.<sup>4</sup>

---

<sup>3</sup> Federation of Malaya, Report of the Education Committee, 1956, Perenggan 54 dan 122.

<sup>4</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Foo Wan Thot, Pengurus PPLPSCM dan Sim Mow Yu, Pengurus GPGSCM, kepada Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, 19 Oktober 1992, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Pada hakikatnya, masalah kekurangan guru terlatih tidak sahaja dialami oleh SRJK(C), malahan juga oleh SRJK(T) dan SK/SRK. Berdasarkan perangkaan Kementerian Pendidikan (Jadual 3.1), jelas menunjukkan bahawa bilangan kekurangan guru terlatih di sekolah rendah bantuan kerajaan seluruh negara telah meningkat daripada 5823 orang pada tahun 1980 kepada 12128 orang pada tahun 1985. Daripada jumlah itu, SK/SRK mencatatkan pertambahan yang paling tinggi sekali, iaitu daripada 3296 orang pada tahun 1980 kepada 7154 orang pada tahun 1985. Ini dikuti oleh SRJK(C) yang bertambah daripada 1996 orang kepada 3856 orang, manakala SRJK(T) meningkat daripada 531 orang kepada 1118 orang.

**Jadual 3.1: Bilangan Kekurangan Guru Terlatih Di Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Malaysia, 1980-1985**

TAHUN	SK/SRK	SRJK(C)	SRJK(T)	JUMLAH
1980	3296	1996	531	5823
1981	3435	2011	610	6056
1982	3687	2099	639	6425
1983	4920	3019	867	8806
1984	4349	2883	832	8064
1985	7154	3856	1118	12128

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 7 Mac Hingga 6 April 1988: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 39, hlm.97.

Pada asasnya, masalah kekurangan guru terlatih di sekolah rendah bantuan kerajaan ini adalah disebabkan oleh empat faktor utama. Pertama, faktor masa

iaitu proses melatih guru di maktab-maktab perguruan memerlukan masa selama 2 ½ tahun.<sup>5</sup> Kedua, keperluan guru meningkat secara mendadak oleh kerana memenuhi perjawatan guru media, guru pemulihan dan guru pendidikan khas, di samping memenuhi keperluan pendidikan mengikut Pekeliling 3/67 Pindaan 82, iaitu nisbah kelas guru daripada 1:1.43 kepada 1:1.5 pada tahun 1982.<sup>6</sup> Ketiga, maktab-maktab perguruan tidak dapat mengeluarkan guru untuk memenuhi pertambahan yang berlaku secara mendadak kerana kekurangan tempat dan kemudahan.<sup>7</sup> Keempat, pertambahan murid di semua sekolah dengan pesatnya sedangkan proses pengeluaran guru tidak dapat menampung kepesatan peningkatan yang bertambah di sekolah.<sup>8</sup>

Dengan itu, untuk memperbanyakkan bilangan guru-guru terlatih bagi menampung keperluan yang meningkat secara mendadak khususnya selepas pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1983, Kementerian Pendidikan telah mengariskan pelan tindakannya, sama ada jangka pendek mahupun jangka panjang. Sebagai satu langkah sementara, Kementerian Pendidikan telah membenarkan kekosongan guru terlatih di semua sekolah rendah

---

<sup>5</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm. 149.

<sup>6</sup> Ibid.

<sup>7</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 77, 29 Oktober 1987, hlm. 34 (18); Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Keempat, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh 12 Oktober Hingga 18 Disember 1987: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm. 72-73.

<sup>8</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil. 14, 25 Mac 1988, hlm. 2448.

bantuan kerajaan tanpa mengira aliran bahasanya diisi dengan guru-guru sandaran yang layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan.<sup>9</sup> Ini adalah bertujuan untuk memastikan kekurangan guru terlatih tidak menjaskan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah berkenaan. Untuk memudahkan urusan, Pengarah-Pengarah Pendidikan Negeri telah diberi kuasa untuk melantik guru-guru tanpa latihan tertakluk kepada persetujuan Kementerian Pendidikan.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun, untuk membolehkan guru-guru sandaran tidak terlatih itu menjalankan tugas dengan lebih berkesan, mereka telah didedahkan kepada teknik pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pihak sekolah.<sup>11</sup>

Selain itu, Kementerian Pendidikan juga menerima cadangan Dong Jiao Zong supaya Kursus Perguruan Asas Dalam Cuti (KDC) bagi guru sandaran tidak terlatih diadakan untuk jangka masa 5 tahun sahaja, iaitu dari tahun 1984 hingga 1988. Matlamat utama KDC ialah untuk memberi peluang kepada guru-guru sandaran tidak terlatih yang telah mengajar bertahun-tahun di semua sekolah rendah bantuan kerajaan untuk mendapatkan latihan dan juga sebagai langkah

---

<sup>9</sup> Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia kepada GPGSCM, 29 Ogos 1991, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>10</sup> Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Abu Hassan Adam, Pegawai Khas I kepada Menteri Pendidikan Malaysia, kepada Dr. Tuang Pik King, Pengurus Persatuan Guru-Guru Sekolah-Sekolah Cina Kuala Lumpur, 4 Januari 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>11</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parliment Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, hlm. 149.

memperbanyakkan lagi calon-calon guru yang berkelayakan. Meskipun demikian, KDC untuk guru-guru sandaran tanpa latihan di Semenanjung Malaysia telah ditamatkan pada tahun 1989. Ini kerana Kementerian Pendidikan lebih mengutamakan Kursus Perguruan Sepenuh Masa bagi menjamin mutu latihan dan juga untuk menghasilkan guru yang lebih berkualiti. Namun demikian, KDC masih dilaksanakan di Sabah dan Sarawak untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih.<sup>12</sup>

Sementara itu, Kementerian Pendidikan juga mengutamakan guru sandaran tanpa latihan untuk mengikuti kursus-kursus di maktab-maktab perguruan. Sungguhpun demikian, satu perkara yang harus ditekankan ialah dasar pengambilan guru pelatih ke maktab-maktab perguruan untuk mengikuti Kursus Perguruan Asas dan KDC adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan. Syarat kelayakan akademik minimum yang ditetapkan ialah sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Malaysia dan empat kepujian lagi dalam mana-mana mata pelajaran dalam sijil SPM/MCE/SPVM/SPMV

---

<sup>12</sup> Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 2 April 1991, GPGSCM, Kuala Lumpur. KDC yang diadakan di Sabah dan Sarawak pada tahun 1987 telah melatih 223 orang guru sandaran, 249 orang pada tahun 1988, 70 orang pada tahun 1989 dan 105 orang pada tahun 1990; lihat Secretariat Jiao Zong, *Jiashijie tiji*, (Keluaran Khas Hari Guru), Lim Lian Geok Fund, Kuala Lumpur, 1989, hlm.123, *Sin Chew Jit Poh*, 6 Jun 1990.

termasuk kepujian dalam mata pelajaran yang berkaitan dengan kursus yang dipohon dan lulus mata pelajaran Matematik.<sup>13</sup>

Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah rendah, termasuk SRJK(C), Kementerian Pendidikan telah melonggarkan beberapa syarat kemasukan bagi guru-guru sandaran tanpa latihan. Pertama, syarat umur yang ditetapkan bagi pengambilan guru-guru pelatih untuk semua Kursus Pengajian Asas ialah tidak melebihi 27 tahun. Akan tetapi bagi guru-guru sandaran tanpa latihan, syarat umur dilonggarkan tidak melebihi 30 tahun dan berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun tidak putus-putus.<sup>14</sup>

Bagi calon-calon dari Sabah dan Sarawak pula, syarat minimum kelayakan akademik diberi kelonggaran lagi kepada sekurang-kurangnya lulus dalam Bahasa Malaysia di peringkat SPM/MCE dan tiga kepujian lagi dalam mata pelajaran lain di peringkat yang sama sejak tahun 1986.<sup>15</sup> Walau bagaimanapun guru-guru pelatih ini dikehendaki menduduki peperiksaan SPM dan mendapatkan kepujian dalam Bahasa Malaysia untuk tujuan pengesahan dalam jawatan kelak. Di samping itu, guru-guru sandaran tanpa latihan yang memenuhi syarat dan

---

<sup>13</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kesembilan 16 Oktober 1995 Hingga 28 Disember 1995: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm. 70-71.

<sup>14</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.266, Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kelapan, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.70, 23 Oktober 1991, hlm.4.

<sup>15</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh 16 Oktober Hingga 29 Disember 1989: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm. 117.

mempunyai kelayakan asas akademik juga dikecualikan daripada menduduki Ujian Kelayakan Latihan Perguruan (UKELP) sebelum dipanggil menghadiri temuduga mulai tahun 1989.<sup>16</sup>

**Jadual 3.2: Bilangan Guru Sandaran Tanpa Latihan Yang Mengikuti Kursus Perguruan Asas Di Maktab-Maktab Perguruan Di Seluruh Malaysia, 1986-1990**

TAHUN	BILANGAN GURU SANDARAN TANPA LATIHAN		JUMLAH
	KURSUS DALAM CUTI	KURSUS SEPENUH MASA	
1986	1680	-	1680
1987	1608	-	1608
1988	1286	-	1286
1989	328	1521	1849
1990	562	1848	2410
JUMLAH	5464	3369	8833

Sumber: Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991; Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 48, hlm.269.

Kementerian Pendidikan juga mengambil langkah untuk memendekkan tempoh latihan daripada enam semester kepada lima semester tanpa menjelaskan

---

<sup>16</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil.43, 12 November 1985, hlm.6912-6913.

kualiti latihan.<sup>17</sup> Pengambilan guru pelatih maktab perguruan pada tahun 1993 dan 1994 adalah dibuat sebanyak dua kali, iaitu pada bulan Jun dan Disember. Dengan pengambilan dua kali ini, Kementerian Pendidikan berjanji guru-guru sandaran yang memiliki kelayakan akademik serta memenuhi syarat-syarat had umur dan tempoh perkhidmatan diberi pertimbangan yang sewajarnya di dalam pelan tindakan ini.<sup>18</sup> Menerusi empat kali pengambilan ini, Kementerian Pendidikan dapat melatih seramai 30996 orang guru.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah positif ini, ramai guru sandaran tanpa latihan dari semua aliran sekolah rendah telah berjaya mengikuti latihan perguruan. Misalnya dalam tempoh tahun 1986-1990 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.2, sebanyak 5654 orang guru sandaran tanpa latihan telah berjaya dipilih untuk mengikuti KDC, manakala sejumlah 3369 orang pula mengikuti kursus di maktab-maktab perguruan.

Kesungguhan Kementerian Pendidikan ternyata berjaya menghasilkan bilangan tenaga pengajar terlatih yang begitu ramai sekali. Perangkaan dalam Jadual 3.3 jelas menunjukkan bilangan guru terlatih di semua sekolah rendah

---

<sup>17</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.14, 25 Mac 1988, hlm. 2448; Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.77, 29 Oktober 1988, hlm. 34 (18); Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Keempat, Penggal Pertama Parlimen Ketujuh 12 Oktober Hingga 18 Disember 1987: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.72-73.

<sup>18</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 26 April 1993 Hingga 10 Jun 1993: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 53, hlm.36.

bantuan kerajaan telah bertambah daripada 83,113 orang pada tahun 1986 kepada 113,986 orang pada tahun 1992, iaitu meningkat sebanyak 27%. Dari segi pecahan sekolah mengikut aliran bahasa pengantar pula, bilangan guru terlatih di SK/SRK telah memperlihatkan pertambahan daripada 61372 orang pada tahun 1986 kepada 87335 orang pada tahun 1992, iaitu meningkat sebanyak 42%. Dalam tempoh yang sama, bilangan guru terlatih SRJK(T) juga bertambah sebanyak 41%, iaitu daripada 3174 orang kepada 4476 orang. Sementara jumlah guru terlatih di SRJK(C) bertambah seramai 3608 orang atau 19.4%.

Namun demikian, bilangan guru terlatih yang dihasilkan oleh maktab-maktab perguruan ini tidak mencukupi untuk menampung keperluan tenaga mengajar di semua aliran sekolah rendah bantuan kerajaan. Perangkaan Kementerian Pendidikan tahun 1992 memaparkan masih terdapat 10.2% (atau 9919 orang guru) daripada jumlah keseluruhan guru SK/SRK di seluruh Malaysia adalah terdiri daripada mereka yang tiada latihan perguruan, manakala di SRJK(C) adalah 14.7% (atau 3820 orang guru) dan di SRJK(T) adalah 28.2% (atau 1756 orang guru).

**Jadual 3.3: Bilangan Guru Di Sekolah-Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Malaysia, 1986-1992**

Tahun	Jenis Sekolah	Latihan Universiti	Latihan Maktab	Tiada Latihan	Jumlah
1986	SK/SRK	-	61372	8584	69956
	SRJK(C)	5	18567	4909	23481
	SRJK(T)	-	3174	1450	4624
1987	SK/SRK	-	65870	9391	75261
	SRJK(C)	-	19188	4574	23762
	SRJK(T)	-	3698	1352	5050
1988	SK/SRK	-	68943	10354	79297
	SRJK(C)	-	20453	4167	24620
	SRJK(T)	-	3913	1329	5242
1989	SK/SRK	-	75913	5922	81835
	SRJK(C)	-	21152	3422	24574
	SRJK(T)	-	4057	1263	5320
1990	SK/SRK	-	80617	8091	88780
	SRJK(C)	-	21017	4458	25475
	SRJK(T)	-	4049	1793	5842
1991	SK/SRK	21	85227	8023	93271
	SRJK(C)	3	21694	4072	25769
	SRJK(T)	4	4300	1685	5989
1992	SK/SRK	-	87335	9919	97254
	SRJK(C)	-	22175	3820	25995
	SRJK(T)	-	4476	1756	6232

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Perangkaan Pendidikan Di Malaysia 1986, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, t.t., hlm.109; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1987, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm.79; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1988, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm.77; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1989, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm.83; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1990, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm.81; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1991, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 81; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Perangkaan Pendidikan di Malaysia 1992, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1995, hlm.99.

Atas kesedaran masalah kekurangan guru terlatih masih krtikal dan genting di semua jenis aliran sekolah rendah, Kementerian Pendidikan telah memutuskan untuk mengambil langkah-langkah yang lebih tegas lagi. Misalnya, Kementerian Pendidikan telah membina lima buah maktab perguruan baru dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) untuk menampung keupayaan maktab-maktab perguruan.<sup>19</sup> Sementara itu, bilangan pengambilan guru-guru terlatih juga bertambah, iaitu daripada 40000 orang dalam Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990) dinaikkan kepada 62900 orang dalam Rancangan Malaysia Keenam.<sup>20</sup> Tambahan lagi, Kementerian Pendidikan menerima cadangan Dong Jiao Zong<sup>21</sup> untuk mengambil semula guru-guru yang bersara sebagai guru kontrak di sekolah.<sup>22</sup>

Sementara bagi mengatasi masalah kekurangan guru di kawasan pedalaman dan terpencil yang sukar ditempatkan guru terlatih, Kementerian Pendidikan telah menjalankan program latihan KDC (Khas). KDC (Khas) ini

---

<sup>19</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.149-151.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM kepada Dr. Tan Tiong Hong, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, 26 April 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>22</sup> Antara syarat-syarat kelayakan yang dikenakan ke atas guru-guru yang telah bersara untuk dilantik semula ialah mereka mestilah (a).Warganegara Malaysia; (b).Berumur tidak melebihi 58 tahun pada tarikh perlantikan; (c).Memiliki Sijil/Diploma/Ijazah Perguruan yang mengkhusus dalam bidang-bidang yang diperlukan; (d).Sihat tubuh badan dan diperakurkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan; dan (e).Mengkhusus dalam bidang yang berkaitan. Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 18 Oktober 1993 Hingga 30 Disember 1993: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.46.

bermula pada Februari 1996 dan mengeluarkan guru-guru terlatih pada Disember 1998.<sup>23</sup> Seramai 2016 orang guru sandaran telah ditawarkan pada bulan Februari 1996. Jumlah ini termasuklah seramai 392 orang guru sandaran Pengajian Cina dan 275 orang guru sandaran Pengajian Tamil.<sup>24</sup>

Ringkasnya, Kementerian Pendidikan memang berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di sekolah rendah bantuan kerajaan tanpa mengira bahasa pengantar sekolah-sekolah berkenaan. Malahan, adalah diakui bahawa Kementerian Pendidikan telah mengatur dan melaksanakan pelbagai langkah khas untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru terlatih yang mendesak di SRJK(C). Misalnya Kementerian Pendidikan telah mengadakan Kursus Guru Sementara Sekolah Rendah Cina atau lebih dikenali dengan gelaran SRC dari tahun 1969 hingga tahun 1979. SRC telah berjaya menghasilkan sebanyak 3502 orang guru terlatih.<sup>25</sup> Selain itu, Kementerian Pendidikan juga berusaha sedaya upaya untuk menempatkan guru-guru bahasa Cina yang terlatih untuk mengajar bahasa-bahasa tersebut secara sepenuh masa di sekolah-sekolah berkenaan. Guru-guru beredar (*itinerant teachers*) untuk mengajar bahasa tersebut

---

<sup>23</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kesembilan, 16 Oktober 1995 Hingga 28 Disember 1995: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.48.

<sup>24</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.70, 27 November 1996, hlm. 198.

<sup>25</sup> Teachers' Journal, Vol.11, No.38, 31 Disember 1976, hlm.12.

digunakan seandainya terdapat kekurangan yang terdesak bagi guru-guru bahasa Cina di sekolah.<sup>26</sup>

Pada setiap tahun, Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada SRJK(C) yang mempunyai kekosongan guru terlatih semasa menempatkan guru-guru baru keluaran maktab-maktab perguruan. Selain itu, guru-guru yang berlebihan di setengah-setengah SRJK(C) ditukarkan ke sekolah-sekolah yang kekurangan guru, serta guru-guru yang mempunyai latihan untuk mengajar Bahasa Cina tetapi tidak lagi mengajar Bahasa Cina diarah untuk mengajar Bahasa Cina semula. Bagi guru-guru terlatih yang mempunyai kepujian dalam Bahasa Cina yang boleh serta sanggup mengajar Bahasa Cina telah diminta untuk mengajar Bahasa Cina di SRJK(C).<sup>27</sup>

Sungguhpun SK/SRK sendiri menghadapi kekurangan guru terlatih, namun Kementerian Pendidikan masih mencadangkan supaya memindahkan guru dari SK/SRK ke SRJK(C) untuk mengajar Bahasa Kebangsaan bagi menyelesaikan kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah tersebut. Akan tetapi, cadangan baik itu terus terang ditolak oleh Dong Jiao Zong dan SRJK(C). Mereka menyifatkan tindakan tersebut sebagai cara penyelesaian untuk jangka pendek

---

<sup>26</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 100, 2 Disember 1987, hlm. 32.

<sup>27</sup> Jawapan Soalan Persidangan Dewan Rakyat oleh Menteri Pelajaran Datuk Dr. Sulaiman Bin Hj. Daud kepada Pertanyaan Mulut Daripada En. Seow Hun Khim, Ahli Dewan Rakyat Kawasan Bukit Mertajam, 23, Mac 1984, dalam simpanan fail Pusat Sumber GPGSCM; Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Keenam, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.9, 23 Mac 1984, hlm.1279-1280.

sahaja. Lantaran itu mereka menyeru Kementerian Pendidikan agar jangan menghantar guru yang tidak mahir dalam bahasa Cina ke SRJK(C). Mereka khuatir guru-guru dari SK/SRK yang tidak berkelayakan formal dalam bahasa Cina boleh menjelaskan identiti SRJK(C).<sup>28</sup> Ini kerana purata waktu pengajaran mata pelajaran Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Inggeris di SRJK(C), terutama SRJK(C) yang bersaiz kecil adalah kurang daripada mata pelajaran lain. Lantaran itu guru-guru bahasa tanpa kelayakan bahasa Cina ini berkemungkinan diminta mengajar mata pelajaran bukan bahasa seperti Pendidikan Muzik, Pendidikan Seni dan Pendidikan Jasmani yang sepatutnya diajar dalam bahasa pengantar sekolah.

Sementara cara penyelesaian masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C) dengan mengurangkan kelas sebagaimana yang dicadangkan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan juga ditolak oleh Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Berhubung dengan perkara ini, Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan telah mengarahkan SRJK(C) di Kuala Lumpur agar membuat penyusunan kelas mengikut ukuran baru.<sup>29</sup> Tindakan ini dianggap boleh mengakibatkan bilangan kelas SRJK(C) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semakin berkurangan. Sim Mow Yu mendakwa tindakan ini bukan sahaja tidak

---

<sup>28</sup> Temuramah dengan Ong Chiow Chuen, Pengerusi GPGSCM di SRJK(C) Chung Hwa Presbyterian Muar pada 24 Julai 1997.

<sup>29</sup> Ukuran yang ditetapkan itu adalah 1 hingga 50 orang murid membuka satu kelas, 51 hingga 100 orang murid membuka dua kelas, 101 hingga 150 orang murid membuka tiga kelas, 151 hingga 200 orang murid membuka empat kelas. Lihat Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Foo Wan Thot, Pengerusi PPLPSCM dan Sim Mow Yu, Pengerusi GPGSCM, kepada Pengarah Pendidikan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, 19 Oktober 1992, GPGSCM, Kuala Lumpur.

munasabah dan tidak berkesan untuk mengatasi masalah kekurangan guru, malah bercanggah dengan pelaksanaan KBSR yang menetapkan prinsip pengajaran dan pembelajaran secara pemerhatian individu.<sup>30</sup>

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga menambahkan bilangan pengambilan calon bagi mengikuti kursus Pengajian Cina di maktab perguruan dari semasa ke semasa. Misalnya pengeluaran guru terlatih bagi SRJK(C) dalam tempoh 1988-1991 adalah 2 kali ganda, iaitu seramai 4167 orang jika dibandingkan dengan pengeluaran sebanyak 2176 orang dari tahun 1984-1987.<sup>31</sup> Dalam kes-kes tertentu, Kementerian Pendidikan telah melonggarkan syarat-syarat kepujian dalam Bahasa Cina di peringkat SPM bagi calon-calon yang ada pengalaman mengajar di SRJK(C). Di samping itu, calon-calon yang mempunyai kepujian dalam Bahasa Cina tetapi memohon kursus lain, telah juga ditawarkan kursus Pengajian Cina.<sup>32</sup>

Walau bagaimanapun, hasrat Kementerian Pendidikan tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana menghadapi kesukaran untuk mendapatkan calon-calon guru

---

<sup>30</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Sim Mow Yu, Pengurus GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 25 November 1992, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>31</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil. 100, 2 Disember 1987, hlm.32; Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm. 149-151.

<sup>32</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Keenam, Penggal Ketiga, Jilid III, Bil.43, 12 November 1985, hlm.6912-6913.

pelatih bagi mengikuti Kursus Pengajian Cina di maktab-maktab perguruan.<sup>33</sup>

Misalnya pada Julai 1994, unit Bahasa Cina di Maktab perguruan telah menawarkan 1000 tempat kekosongan tetapi hanya 600 orang memohon. Pada Disember 1994 pula, terdapat 700 kekosongan tetapi kurang daripada 200 dipenuhi. Pada Jun 1995, Unit Bahasa Cina hanya berjaya mengambil lebih kurang 300 orang memandangkan lebih kurang 600 guru SRJK(C) bersara setiap tahun. Oleh itu, walaupun terdapat 17 buah Maktab Perguruan yang merancang untuk membuka kursus Pengajian Cina, namun hampir separuh terbantut kerana kekurangan guru pelatih.<sup>34</sup>

Dalam sesi pengambilan Ogos 1996 pula, sebanyak 800 tempat telah disediakan untuk Pengkhususan Pengajian Cina, iaitu 480 untuk Pengkhususan Pengajian Cina sebagai major pertama dan 320 untuk pengkhususan Pengajian Cina sebagai major kedua. Seramai 824 calon telah dipanggil temuduga dan 576 calon telah ditawarkan untuk mengikuti kursus di maktab-maktab perguruan. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan tidak dapat mengisi kekosongan atas sebab-sebab seperti calon-calon tidak hadir temuduga, calon menolak tawaran ke maktab dan calon tidak lulus temuduga.<sup>35</sup>

---

<sup>33</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Kesembilan 1997, 14 Julai 1997 Hingga 14 Ogos 1997: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 66, hlm.168-169.

<sup>34</sup> Teks Ucapan Ong Chiow Chuen, Pengurus GPGSCM dalam Majlis Perjumpaan Menteri Pendidikan Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak dengan Perwakilan Dong Jiao Zong, di Kementerian Pendidikan pada 21 Julai 1995.

<sup>35</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.64, 18 November 1996, hlm. 8-9.

Memang benar bahawa kaum Cina kurang berminat untuk menceburی bidang perguruan. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya bayaran gaji yang kurang menarik dan adanya peluang pekerjaan lain yang luas. Pemuda-pemudi Cina lebih gemar bekerja dengan pihak swasta kerana pendapatan yang lebih lumayan. Sebaliknya pendapatan yang kurang lumayan serta tekanan kerja yang semakin berat juga menyebabkan guru memilih persaraan awal.<sup>36</sup>

Tegasnya, adalah tidak adil dan munasabah untuk melemparkan dakwaan bahawa Kementerian Pendidikan tidak mengambil langkah-langkah yang positif dan tegas untuk mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di sekolah rendah bantuan kerajaan, termasuk di SRJK(C). Walau bagaimanapun, perlanjutan masalah ini telah menjadi salah satu punca utama rasa tidak senang hati di kalangan pemimpin SRJK(C), Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Masalah ini dipercayai akan menjadikan kualiti pendidikan di SRJK(C). Justeru itu Dong Jiao Zong telah mengemukakan pelbagai cadangan untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C). Mereka tidak jemu-jemu menggesa Kementerian Pendidikan menerima cadangan-cadangan mereka, walaupun mereka sedar kebanyakannya adalah bertentangan dengan dasar pendidikan kebangsaan dan polisi pengambilan guru pelatih maktab-maktab perguruan.

---

<sup>36</sup> Temuramah dengan Lee Ban Chen, Eksekutif PPLPSCM di Bangunan Dong Jiao Zong, Kajang pada 25 Mei 1999.

Pemimpin-pemimpin Dong Jiao Zong mendesak Kementerian Pendidikan mengadakan semula KDC dengan memberi keutamaan kepada guru-guru sandaran tanpa latihan yang sedang berkhidmat di sekolah rendah bantuan kerajaan untuk menerima latihan perguruan.<sup>37</sup> Mereka juga mencadangkan agar meningkatkan had umur kepada tidak melebihi 35 tahun sebagai syarat pengambilan guru-guru sandaran tidak terlatih SRJK(C).<sup>38</sup> Di samping itu, Dong Jiao Zong juga menyeru supaya Kementerian Pendidikan mengambil semua guru sandaran tanpa latihan untuk mengikuti kursus di maktab perguruan<sup>39</sup> serta melonggarkan syarat kepujian Bahasa Malaysia dalam SPM bagi guru-guru sandaran tidak terlatih untuk mengikuti kursus di maktab-maktab perguruan.<sup>40</sup>

Cadangan-cadangan Dong Jiao Zong itu tidak dapat diterima atas dua faktor utama. Pertama, cadangan mereka ternyata tidak selari dengan syarat umur dan kelayakan akademik minimum yang ditetapkan. Dasar pengambilan calon-calon di maktab perguruan mestilah terdiri daripada mereka yang berkelayakan

---

<sup>37</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 7 September 1992, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>38</sup> Temuramah dengan Bock Tai Hee, Ketua Setiausaha Eksekutif PPLPSCM di Bangunan Dong Jiao Zong, Kajang pada 8 Disember 1999.

<sup>39</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 7 Julai 1981, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>40</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Tuang Pik King, Pengerusi Persatuan Guru-Guru Sekolah-Sekolah Cina Kuala Lumpur kepada Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pendidikan Malaysia, 4 Ogos 1984, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Huaxiao[SRJK(C)], Surat dari Lim Fong Seng, Pengerusi PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengerusi GPGSCM kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 19 Januari 1987, GPGSCM, Kuala Lumpur.

sekurang-kurangnya SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mendapat kepujian Bahasa Malaysia (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat SPM/SPVM. Kelonggaran syarat akademik ini akan mengakibatkan seseorang guru itu tidak dapat dilantik ke dalam Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan.

Kedua, cadangan tersebut melibatkan pengorbanan taraf pendidikan semata-mata untuk memenuhi keperluan tenaga mengajar terlatih. Maka untuk mempertahankan taraf pendidikan serta dasar rasmi Kementerian, cadangan tersebut memang tidak dapat diterima. Kementerian Pendidikan, misalnya menyatakan bahawa:

“Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa ramai guru sandaran tanpa latihan di SRJK(C) tidak layak untuk mengikuti Kursus Perguruan Asas di maktab-maktab perguruan berikutnya dari syarat had umur dan syarat kelulusan yang dikenakan. Sungguhpun begitu Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat had umur dan syarat kelulusan bagi guru-guru sandaran tersebut memandangkan implikasi syarat perlantikan oleh Bahagian Perjawatan dan Perkhidmatan. Di samping itu langkah mengenakan syarat kelulusan yang lebih tinggi... dijangka akan dapat mempertingkatkan lagi prestasi dan kualiti guru pelatih yang diharap akan mendorong kepada peningkatan mutu pendidikan di negara ini.”<sup>41</sup>

---

<sup>41</sup> Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 18 September 1990, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Dari segi latihan perguruan di maktab-maktab perguruan pula, Dong Jiao Zong telah mengesyorkan satu cadangan yang amat radikal, iaitu bahasa Cina digunakan sebagai bahasa pengantar untuk melatih bakal guru SRJK(C), melainkan kursus Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.<sup>42</sup> Alasan-alasan yang diberikan antara lain ialah selepas latihan golongan guru ini, mereka adalah berkhidmat di SRJK(C) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar dalam bidang pengurusan dan pentadbiran serta pengajaran dan pembelajaran kecuali mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya guru-guru ini tidak terlatih dalam bahasa Cina dan dikehendaki mengajar dalam bahasa Cina, keadaan ini akan mengakibatkan ketidaksinambungan dan seterusnya menimbulkan ketidakcekapan dan kesukaran kepada guru-guru tersebut.<sup>43</sup>

Walau bagaimanapun, saranan Dong Jiao Zong itu jika diteliti dari perspektif Dasar Pendidikan Kebangsaan, jelas sekali bercanggah dengan ketetapan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua institusi pendidikan, termasuk di maktab perguruan yang menawarkan Kursus Perguruan

---

<sup>42</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 20 Oktober 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur; Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Loot Ting Yee, Pemangku Pengurus GPGSCM dan Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM kepada Dato' Wira Abdul Rahman Arshad, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, 5 Oktober 1988, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>43</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Low Sik Thong, Setiausaha Agung PPLPSCM dan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 20 Oktober 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Asas dan Kursus Dalam Perkhidmatan. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan menyatakan bahawa:

“Dasar Kementerian Pendidikan telah menetapkan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah sebagai bahasa pengantar di semua peringkat institusi pendidikan. Perkara ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara yang antara lain bertujuan untuk mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional. Desakan supaya Bahasa Cina dijadikan bahasa pengantar untuk melatih kesemua bakal guru SRJK(C) adalah bercanggah dengan hasrat yang dinyatakan di atas. Memang menjadi peraturan sekarang, di mana guru-guru yang akan mengajar Bahasa Cina diajar dengan bahasa tersebut.”<sup>44</sup>

Sungguhpun demikian, Kementerian Pendidikan tetap mengambil langkah bagi mengekalkan taraf pendidikan di SRJK(C). Guru-guru pelatih bagi Kursus Pengajian Cina hendaklah mempunyai kepujian dalam Bahasa Cina di peringkat SPM/MCE atau yang setaraf dengannya sebagai salah satu syarat kelulusan minimum untuk memasuki maktab-maktab perguruan. Di samping itu, Pengajian Cina diwajibkan sebagai mata pelajaran pengkhususan bagi guru-guru pelatih ini.<sup>45</sup>

Selain itu, dengan tujuan memperbanyakkan bilangan guru pelatih di SRJK(C), Dong Jiao Zong berkali-kali menyeru kerajaan supaya mengiktiraf dan

<sup>44</sup> Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari En. Mohd. Sarit Hj. Yusoh, Setiausaha Politik kepada Menteri Pendidikan Malaysia kepada PPLPSCM, 5 Disember 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur; lihat juga Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan kepada GPGSCM, 2 April 1991, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>45</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kelima, Penggal Kedua, Jilid II, Bil.1, 18 Mac 1980, hlm. 82.

menerima Sijil Peperiksaan Bersama SMPC<sup>46</sup> sebagai salah satu kelayakan bagi mengikuti Kursus Pengajian Cina di maktab perguruan.<sup>47</sup> Pada dasarnya, tuntutan pengiktirafan Sijil tersebut haruslah dikaji dalam konteks sistem pendidikan kebangsaan. Laporan Razak telah memperakukan bahawa semua sekolah rendah dan menengah bantuan kerajaan diwajibkan untuk menggunakan kurikulum kebangsaan, sukanan pelajaran dan sistem peperiksaan yang dikendalikan oleh pihak pusat supaya Dasar Pendidikan Kebangsaan terlaksana sebagaimana yang dikehendaki. Ini adalah selaras dengan hasrat untuk mewujudkan perpaduan di kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Untuk mencapai tujuan itu, wujudlah Lembaga Peperiksaan sebagai badan yang diiktiraf untuk menjalankan tugas menyedia dan mengendalikan peperiksaan bagi semua sekolah di negara ini. Oleh itu, Kementerian Pendidikan beranggapan bahawa penubuhan badan-badan peperiksaan lain untuk menjalankan peperiksaan tertentu adalah di luar dasar Laporan Razak.<sup>48</sup>

Mengikut ketetapan dalam Laporan Razak ini, Sijil Peperiksaan Bersama SMPC ternyata adalah peperiksaan yang dikendalikan di luar dasar Kementerian Pendidikan. Malahan sijil peperiksaan itu dianugerahkan oleh badan penilai

---

<sup>46</sup> Sijil Peperiksaan bersama SMPC adalah dikendalikan oleh Dong Jiao Zong sejak tahun 1975 bagi murid-murid SMPC.

<sup>47</sup> Fail GPGSCM/Huaxiao Shizi[Guru Terlatih SRJK(C)], Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 17 Jun 1993, GPGSCM, Kuala Lumpur; Memorandum Memperkembangkan Sekolah Cina Berusaha Ke Arah Wawasan 2020, PPLPSCM dan GPGSCM, Kuala Lumpur, 1995, hlm.6-7.

<sup>48</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan, 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.27.

dalam yang tidak mempunyai autoriti di dalam penggredan kualiti pendidikan negara. Dengan kata lain, penilaian yang dibuat oleh agensi selain daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia tidak dapat diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Berdasarkan dua faktor ini, soal pengiktirafan sijil tersebut sepatutnya tidak timbul sama sekali.

Tambahan lagi, dasar pengiktirafan sesuatu sijil sama ada dari dalam atau luar negara bukanlah bertujuan untuk menilai kesesuaiannya bagi maksud kemasukan mana-mana institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau di luar negara.<sup>49</sup> Sebaliknya, ia hanya semata-mata untuk lantikan ke sesuatu jawatan yang bersesuaian serta dinilai mengikut keperluannya di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Dalam hal ini, Menteri Pendidikan Anwar Ibrahim telah membuat kenyataan bahawa “keputusan untuk mengiktiraf sesuatu sijil atau ijazah adalah bergantung kepada kesesuaian keperluan dalam perkhidmatan awam.”<sup>50</sup>

Selain itu, pengiktirafan sesuatu sijil peperiksaan yang tidak termasuk di dalam dasar yang ditetapkan oleh kerajaan juga boleh membawa implikasi buruk kepada usaha negara untuk mencapai perpaduan nasional menerusi pendidikan. Dengan itu Kementerian Pendidikan menolak tuntutan Dong Jiao Zong dan Hua

---

<sup>49</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Kelapan, 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.41.

<sup>50</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketujuh, Penggal Pertama, Jilid I, Bil.62, 8 Julai 1987, hlm. 10340.

Tuan untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama SPMC. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian Pendidikan bertegas dengan menyatakan bahawa:

“Mengiktiraf sijil peperiksaan yang dikendalikan oleh sesuatu agensi komuniti akan menggalakkan setiap komuniti atau kaum di negara ini wujudkan sistem persekolahan mereka masing-masing dan bertentangan dengan dasar pendidikan kebangsaan yang bermatlamat untuk memupuk perpaduan pelbagai kaum di negara ini.”<sup>51</sup>

Pelajar-pelajar yang mengikuti kelas bahasa Cina di sekolah menengah kebangsaan dan mengambil peperiksaan mata pelajaran tersebut di peringkat SPM dianggap sebagai sumber utama pembekalan guru-guru terlatih di SRJK(C). Ini bersesuaian dengan syarat minimum yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan, iaitu sesiapa yang ingin menjadi guru di SRJK(C) harus memenuhi syarat memiliki sekurang-kurangnya kepujian dalam bahasa Cina di peringkat SPM. Bagi memastikan pembekalan sumber pelajar yang mempunyai kelayakan formal dalam bahasa Cina, Dong Jiao Zong sering menggesa Kementerian Pendidikan mengambil berat tentang hal pentadbiran kelas-kelas bahasa ibunda di sekolah menengah kebangsaan.

Secara amnya, Dong Jiao Zong sentiasa mendesak Kementerian Pendidikan memasukkan kelas-kelas bahasa ibunda ke dalam jadual waktu rasmi

<sup>51</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesepuluh, Penggal Ketiga, Mesyuarat Pertama, Jilid III, Bil.10, 5 April 2001, hlm.111-112.

sekolah,<sup>52</sup> serta menyediakan peruntukan dan tenaga pengajar terlatih yang mencukupi bagi menyelenggarakan kelas-kelas tersebut.<sup>53</sup> Sementara itu, Dong Jiao Zong juga menyeru Kementerian Pendidikan menjadikan Bahasa Cina sebagai mata pelajaran wajib bagi pelajar sekolah menengah kebangsaan yang berasal dari SRJK(C).<sup>54</sup>

Pada dasarnya dalam sistem Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), semua kelas bahasa Cina dan bahasa Tamil sepatutnya dimasukkan dalam jadual waktu sekolah seandainya ia memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam Seksyen 2 Akta Pelajaran 1961, iaitu hendaklah terdapat tidak kurang daripada 15 orang ibu bapa memohon supaya anak-anak mereka mengikuti kelas-kelas berkenaan, dan sekolah mempunyai kemudahan dan guru untuk mengajar bahasa-bahasa berkenaan.

Memang menjadi hasrat Kementerian Pendidikan untuk memasukkan semua pengajaran mata pelajaran, termasuk Bahasa Cina dan Bahasa Tamil ke dalam jadual waktu sekolah. Akan tetapi, Kementerian Pendidikan hanya mampu

---

<sup>52</sup> Fail GPGSCM/POL, Surat dari Tong Lee Poh, Setiausaha Agung GPGSCM kepada Dr. Tan Tiong Hong, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, 7 Jun 1982, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>53</sup> Fail GPGSCM/POL, Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 4 Disember 1993, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>54</sup> Fail GPGSCM/POL, Surat dari Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM kepada Datuk Dr. Sulaiman Daud, Menteri Pendidikan Malaysia, 8 September 1993, GPGSCM, Kuala Lumpur.

memberi satu waktu di dalam jadual waktu biasa dan dua waktu lagi di dalam jadual waktu lanjutan. Ini kerana jadual waktu sekolah menengah kebangsaan di bawah KBSM sudah terlalu padat.<sup>55</sup> Dengan pelaksanaan 40 minit bagi setiap waktu dalam KBSM, jadual waktu sekolah perlu dilanjutkan. Meskipun demikian, perlu dinyatakan bahawa jadual waktu lanjutan ini merupakan sebahagian daripada jadual waktu rasmi sekolah. Ini bermakna dengan jadual waktu KBSM, mata pelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil yang dahulunya diajar di luar jadual waktu rasmi telah dimasukkan ke dalam jadual waktu sekolah, iaitu antara 7.30 pagi hingga 3.30 petang.<sup>56</sup> Sebenarnya keadaan ini bukan sahaja berlaku terhadap mata pelajaran bahasa ibunda tetapi juga Pendidikan Agama dan Kemahiran Hidup.

Kementerian Pendidikan sentiasa memberi pengawasan yang rapi supaya pengajaran dan pembelajaran bagi bahasa ibunda berjalan dengan baik. Data-data telah dikumpulkan menunjukkan lebih daripada 70% kelas bahasa ibunda telah dijalankan dalam jadual waktu sekolah di seluruh negara.<sup>57</sup> Sungguhpun demikian, memang ada sebilangan kecil kelas bahasa ibunda tidak dapat dimasukkan ke dalam jadual waktu sekolah kerana kekurangan kemudahan

<sup>55</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga Parlimen Kelapan 27 April 1992 Hingga 4 Jun 1992; Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.7.

<sup>56</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat Parlimen Ketujuh 11 Jun Hingga 29 Jun 1990; Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, Jilid 46, hlm.38.

<sup>57</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 7 Mac Hingga 6 April 1988; Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.68-69.

seperti bilik darjah dan guru-guru bahasa berkenaan. Kelas-kelas ini terpaksa diadakan di luar jadual waktu sekolah.<sup>58</sup> Bagaimanapun, langkah-langkah telah diuruskan supaya semua kelas bahasa ibunda dijalankan dalam jadual waktu sekolah. Misalnya pihak Kementerian Pendidikan telah berusaha untuk membina bilik darjah baru dan pada masa yang sama, ruang-ruang yang ada di sekolah digunakan untuk menampung kelas-kelas di waktu yang dilanjutkan itu.<sup>59</sup>

Dari segi tenaga pengajar pula, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah yang membina untuk mengatasi masalah kekurangan guru bahasa Cina. Sebagai langkah sementara, Kementerian Pendidikan memang menggunakan tenaga guru-guru SRJK(C) dan SRJK(T) serta siswazah-siswazah yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan yang ada. Pada kebiasaannya guru-guru sambilan ini perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri melalui guru besar masing-masing bagi setiap tahun. Kelulusan ini adalah diberi secara tahunan dan bukan automatik. Oleh itu untuk memastikan waktu bahasa ibunda mula diajar dalam bulan Januari setiap tahun adalah bergantung kepada kelulusan yang diberi.<sup>60</sup>

---

<sup>58</sup> Temuramah dengan Tey Eng Peng, Naib Pengurus Panitia Bahasa Cina Daerah Muar di Muar pada 3 Mac 2001.

<sup>59</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh, 19 Jun Hingga 12 Julai 1989: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.89.

<sup>60</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 27 Jun Hingga 15 Julai 1988: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan, hlm.112.

Langkah-langkah lain yang telah dijalankan dan mendapat sambutan baik daripada Dong Jiao Zong dan Hua Tuan termasuklah melatih seramai 56 orang kaki tangan sumber dari seluruh negara. Mereka dipertanggungjawab untuk menjalankan kursus di peringkat negeri dan daerah masing-masing.<sup>61</sup> Selain itu, Kementerian Pendidikan juga menambah pengambilan guru-guru pelatih untuk mengikuti pendidikan pengajaran bahasa-bahasa tersebut.<sup>62</sup> Misalnya bilangan guru pelatih bagi opsyen Pengajian Cina untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah telah bertambah sebanyak empat kali ganda, iaitu dari 27 orang pada tahun 1984 kepada 120 orang pada tahun 1988.<sup>63</sup> Sementara itu, Kementerian Pendidikan juga menjalankan KDC bagi guru-guru tanpa latihan yang sedang mengajar di sekolah-sekolah menengah.<sup>64</sup> Mulai tahun 1991, Kementerian Pendidikan memulakan Kursus Perguruan Lepas Ijazah dalam Pengajian Cina di maktab-maktab perguruan.<sup>65</sup>

Walau bagaimanapun, hasrat Kementerian Pendidikan untuk mengambil lebih ramai pelajar lepasan Jabatan Bahasa Cina di Universiti Malaya ke Fakulti

---

<sup>61</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parliment Ketujuh, 7 Mac Hingga 6 April 1988: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.98.

<sup>62</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parliment Ketujuh, 27 Jun Hingga 15 Julai 1988: Jawapan Soalan Mulut, Soalan Bertulis serta Ucapan, hlm.43.

<sup>63</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parliment Ketujuh, 7 Mac Hingga 6 April 1988: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.98.

<sup>64</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parliment Ketujuh, 10 Oktober Hingga 16 Disember 1988: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm.69-70.

<sup>65</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parliment, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua Parliment Kelapan 17 Jun 1991 Hingga 7 Ogos 1991: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parliment, hlm.2.

Pendidikan tidak dapat dipenuhi. Perkara ini amat bergantung kepada jenis guru yang diperlukan oleh Kementerian Pendidikan dan kekosongan tempat kursus bagi kaedah Bahasa Cina di Fakulti Pendidikan. Secara puratanya, Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya hanya mampu mengambil seramai lebih kurang 20 orang pelajar setiap tahun untuk mengikuti Diploma Pendidikan bagi kaedah Bahasa Cina.<sup>66</sup>

Di samping itu, Kementerian Pendidikan juga menambah peruntukan tahunan bagi pentadbiran kelas bahasa ibunda di sekolah-skeolah menengah kebangsaan. Pada tahun 1985, sebanyak RM 9,518,425 telah diperuntukkan dan jumlahnya meningkatkan kepada RM 10,567,593 pada tahun 1986, RM 10,510,924 pada tahun 1987, RM 10,079,846 pada tahun 1988 dan RM 12,456,793 pada tahun 1989.<sup>67</sup>

Dengan kesungguhan Kementerian Pendidikan ini, keberkesanan pentadbiran kelas bahasa ibunda terutamanya bahasa Cina telah dipertingkatkan. Perangkaan Kementerian Pendidikan menunjukkan bilangan murid yang mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan SPM telah meningkat daripada 30108 orang pada tahun 1989 kepada 32056 orang pada tahun 1990,

---

<sup>66</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua Parlimen Ketujuh, 10 Oktober Hingga 16 Disember 1988: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan, hlm. 70.

<sup>67</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Ketiga Parlimen Ketujuh 16 Oktober Hingga 29 Disember 1989: Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm. 86.

34019 orang pada tahun 1991, 36028 orang pada tahun 1992 dan 38032 orang pada tahun 1993.<sup>68</sup>

Kesimpulannya, masalah kekurangan guru terlatih ternyata bukan sahaja dialami oleh SRJK(C) tetapi juga sekolah-sekolah rendah bantuan kerajaan yang lain. Kementerian Pendidikan memang bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah tersebut dengan pelbagai strategi. Walau bagaimanapun, perlanjutan masalah tersebut telah menimbulkan kegusaran Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terhadap Kementerian Pendidikan. Untuk mengatasi masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C), mereka telah terdesak untuk mengemukakan pelbagai cadangan yang bertentangan dengan dasar rasmi Kementerian Pendidikan serta matlamat dasar pendidikan kebangsaan.

### **Kedudukan Lembaga Pengelola Sekolah**

Sejak sejarah awal penubuhan sekolah Cina lagi, Lembaga Pengelola Sekolah telah memainkan peranan penting dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Selain itu, Lembaga Pengelola juga bertanggungjawab menyediakan kemudahan fizikal dan kelengkapan sekolah, membina dan membaikpulih bangunan sekolah, serta merancang dan membiayai projek-projek untuk sekolah-sekolah berkenaan. Lembaga Pengelola yang dianggotai oleh penaung,

---

<sup>68</sup> Nanyang Siang Pau, 18 Oktober 1993.

pengamanah, ibu bapa dan murid tua juga bertanggungjawab untuk mencari sumber kewangan bagi membiayai perkembangan sekolah.

Peranan dan sumbangan Lembaga Pengelola khususnya dari segi pengelolaan dan pentadbiran sekolah telah mendapat penghormatan dan pengiktirafan daripada kerajaan. Pada asasnya, Lembaga Pengelola ini diakui dapat memainkan peranan yang penting sebagai orang tengah di antara sekolah dengan ibu bapa, di samping membantu kerajaan mentadbirkan sekolah. Selain itu Lembaga juga bertindak sebagai majikan kepada guru bukan kerajaan dan mempunyai kuasa untuk menguruskan peruntukan kerajaan serta mendapatkan bantuan kewangan dari sumber-sumber lain.<sup>69</sup>

Berdasarkan sahaman dan falsafah yang sedemikianlah Laporan Razak buat pertama kalinya telah mengusulkan supaya semua sekolah bantuan kerajaan peringkat rendah dan menengah dikelolakan oleh sebuah Lembaga Pengelola. Mengikut sistem ini, anggota Lembaga Pengelola adalah dipilih daripada orang yang berkaliber dan berkewibawaan. Guru Besar adalah secara automatik dilantik sebagai setiausaha Lembaga dan bertanggungjawab kepada Lembaga Pengelola tentang disiplin dan pentadbiran sekolah. Secara amnya, Lembaga Pengelola mempunyai kuasa autonomi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah. Fungsi utama Lembaga Pengelola adalah pengurusan kewangan. Selaku majikan sekolah, Lembaga Pengelola mempunyai kuasa perlantikan dan pemecatan guru besar dan

---

<sup>69</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia, Laporan Mengenai Pelaksanaan Syor-Syor Jawatankuasa Penyemak Dasar Pelajaran, 1960, Dewan Bahasa & Pustaka, Kuala Lumpur, 1971, hlm.27.

guru-guru di sekolahnya dengan syarat mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Lembaga Pengelola juga mempunyai kuasa untuk menggantung atau membuang guru-guru tertakluk kepada pengesahan oleh Menteri Pendidikan.<sup>70</sup>

Peranan penting yang dimainkan oleh Lembaga Pengelola ini, juga diiktiraf oleh Jawatankuasa Rahman Talib yang mengusulkan supaya status quonya dikenalkan.<sup>71</sup> Namun demikian, dicadangkan bidang kuasa lembaga dapat diketatkan, terutamanya berkaitan dengan perlantikan naik pangkat. Jawatankuasa Rahman Talib mengesyorkan agar perlantikan yang dibuat oleh Lembaga Pengelola hendaklah terlebih dahulu mendapat pengesahan daripada Menteri Pendidikan.<sup>72</sup>

Walau bagaimanapun, satu kontroversi secara terbuka berlaku berkaitan dengan status quo dan kuasa autonomi Lembaga Pengelola Sekolah pada tahun 1968. Kontroversi ini berpunca daripada cadangan Suruhanjaya Diraja Mengenai Perkhidmatan Guru-Guru Malaysia Barat untuk mengkaji semula kuasa Lembaga Pengelola di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan dan diberikan nama baru sebagai Lembaga Kemajuan Sekolah. Suruhanjaya ini diketuai oleh Hakim Datuk Abdul Aziz Mohd. Zain dan diberi kuasa untuk menyiasat, antara lain tangga gaji

---

<sup>70</sup> Federation of Malaya, Report of the Education Committee, 1956, Perenggan 40 & Appendix 8.

<sup>71</sup> Federation of Malaya, Report of the Education Review Committee, 1960, Bab 12, perenggan 226-228.

<sup>72</sup> Ibid., Perenggan 230.

dan syarat-syarat perkhidmatan perguruan di Malaysia Barat, susunan perkhidmatan-perkhidmatan guru, dan sistem Lembaga Pengurus dan Pengelola Sekolah.<sup>73</sup>

Pada dasarnya, Laporan Suruhanjaya ini atau lebih dikenali sebagai Laporan Aziz mengemukakan dua unsur utama berkaitan dengan status quo Lembaga Pengelola Sekolah. Pertama, peranan Lembaga Pengelola Sekolah dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah tetap diiktiraf. Dalam hal ini, Laporan Aziz menyatakan bahawa:

*“We feel that the Board can, if properly constituted, serve a useful purpose as an intermediary between the Government and the public in that grievances or misgivings regarding the administration of schools and educational matters can be voiced and ultimately brought to the attention of the authorities. It can also serve as a link between the school and the community. It can, if necessary, muster adequate financial resources to help in the running of schools. Most important of all, it can help to instill in the minds of the public the concept that education is the joint responsibility of the Government and the public.”<sup>74</sup>*

---

<sup>73</sup> Laporan Suruhanjaya telah siap pada bulan Oktober 1968. Walau bagaimanapun, kerajaan telah menangguhkan pertimbangan ke atas laporan itu kerana terdapat pelbagai rayuan dan pandangan daripada masyarakat Malaysia. Kemudiannya kerajaan menghidupkan semula Suruhanjaya tersebut pada bulan Januari 1970 untuk mengkaji semula segala syornya dengan mengambil perhatian rayuan dan pandangan yang telah diterima. Suruhanjaya itu telah mengemukakan laporan awal kajiannya pada bulan Ogos 1970 dan kerajaan telah menerima pada bulan Mei dengan beberapa pindaan. Pada bulan Jun 1971, Suruhanjaya telah mengemukakan laporan akhir kajiannya.

<sup>74</sup> Malaysia, Report of the Royal Commission on the Teaching Services, West Malaysia, Government Press, Kuala Lumpur, 1971, Perenggan 8.39.

Sungguhpun demikian, Laporan Aziz juga mengetengahkan setengah-setengah anggota Lembaga Pengelola telah melakukan penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa semasa melaksanakan tanggungjawab tanpa mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Empat contoh penyalahgunaan kuasa yang sering dilakukan oleh ahli-ahli Lembaga Pengelola Sekolah telah dikenalpasti. Yang pertama, ahli Lembaga Pengelola campur tangan dalam pentadbiran sekolah. Kedua, Lembaga Pengelola mengambil kaki tangan sekolah berdasarkan rapat atau tidaknya perhubungannya dengan orang yang diupah itu. Ketiga, Pengerusi Lembaga bersubahat dengan guru besar dalam memboroskan wang sekolah secara tidak berpatutan. Keempat, ahli Lembaga Pengelola menerima komisyen daripada penjual buku dan kontraktor kantin.<sup>75</sup>

Unsur kedua yang diketengahkan ialah pengenalan satu skim gaji baru bagi semua guru sekolah bantuan penuh kerajaan. Laporan tersebut telah mencadangkan supaya semua guru Skim Unified Teaching Service (U.T.S) diberikan taraf kakitangan kerajaan atau kakitangan Lembaga Pusat dan gaji mereka adalah dibayar oleh Kementerian Pendidikan.<sup>76</sup> Justeru itu, guru-guru Skim U.T.S. ini akan diberi tawaran sama ada untuk menjadi kaki tangan kerajaan di bawah Perkhidmatan Perguruan Kerajaan ataupun kaki tangan bukan kerajaan yang terletak di bawah Lembaga Pusat.<sup>77</sup>

---

<sup>75</sup> Ibid., Bab VIII, Perenggan 8.37.

<sup>76</sup> Ibid., Chapter XIII dan XXIII (Part 3).

<sup>77</sup> Cadangan berhubung gaji dan syarat perkhidmatan ini dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10, tahun 1971 semenjak 15 Disember 1971.

Skim U.T.S. adalah diwujudkan berdasarkan cadangan Laporan Razak untuk memasukkan semua kategori guru ke dalam satu skim gaji yang sama supaya setiap guru mempunyai hak bebas untuk dipindahkan daripada majikannya kepada majikan yang lain. Kerajaan telah memperkenalkan Skim U.T.S. mulai 1 Julai 1956. Di bawah Skim U.T.S. ini, Lembaga Pengelola akan menjadi majikan guru-guru yang mengajar di sekolahnya. Kadar bayaran gaji adalah bergantung kepada jenis sekolah dan peringkat pelajaran yang diajar serta kelayakan akademik serta ikhtisas yang diperoleh.<sup>78</sup>

Sekiranya cadangan Laporan Aziz ini dilaksanakan, semua guru termasuk U.T.S. mahu tidak mahu akan menjadi kakitangan kerajaan ataupun kakitangan Lembaga Pusat. Ini bermakna Lembaga Pengelola Sekolah tidak lagi menjadi majikan kepada guru-guru yang mengajar di sekolahnya. Oleh yang demikian, Laporan Aziz mengesyorkan Lembaga Pengelola tidak perlu lagi mempunyai kuasa untuk menguruskan perlantikan dan pemberhentian atau penggantungan kerja guru-guru dan pekerja-pekerja lain.<sup>79</sup> Justeru itu Laporan Aziz telah mencadangkan supaya bidang kuasa Lembaga Pengelola Sekolah di semua sekolah bantuan penuh kerajaan dikaji dan dibentuk semula. Menurut Laporan Aziz, Lembaga Pengelola Sekolah boleh dipelihara tetapi bukan dalam bentuk yang ada pada masa tersebut.<sup>80</sup>

---

<sup>78</sup> Federation of Malaya, Report of the Education Committee, 1956, Perenggan 46-52.

<sup>79</sup> Malaysia, Report of the Royal Commission on the Teaching Services, West Malaysia, Perenggan 8.47.

<sup>80</sup> Ibid., Perenggan 8.40.

Implikasi besar yang timbul daripada pelaksanaan Laporan Aziz adalah ia telah menamatkan zaman autonomi yang telah begitu lama dinikmati oleh Lembaga Pengelola terutamanya di SRJK(C). Satu perkara yang perlu ditegaskan adalah penyusunan semula Lembaga Pengelola yang disarankan dalam Laporan Aziz hanya menyentuh tentang kuasa pengambilan dan pemberhentian atau penggantungan kakitangan sekolah sahaja. Kuasa-kuasa Lembaga Pengelola lain khususnya berhubung pentadbiran, perkembangan dan hak milik tanah sekolah tetap dikekalkan.

Namun demikian, cadangan itu masih menimbulkan bantahan hebat di kalangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Lembaga Pengelola SRJK(C). Pada dasarnya, mereka tidak menerima cadangan Suruhanjaya Aziz tersebut semata-mata kerana kebimbangan terhadap terhapusnya status quo dan kuasa autonomi Lembaga Pengelola. Pada dasarnya, Lembaga Pengelola dianggap sebagai lambang autonomi dan identiti bagi SRJK(C) yang didirikan oleh masyarakat Cina. Oleh itu, mereka berpegang teguh kepada prinsip “ketiadaan Lembaga Pengelola Sekolah bermakna ketiadaan sekolah-sekolah Cina”.<sup>81</sup> Dengan kefahaman dan pegangan yang sedemikian, Lembaga Pengelola SRJK(C) di bawah pimpinan Dong Jiao Zong telah membuat interpretasi bahawa saranan

---

<sup>81</sup> Memorandum Mengenai Lembaga Pengurus/Pengelola Sekolah Cina, dikemukakan oleh PPLPSCM kepada Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pendidikan, pada 24 Mac 1977, hlm.8.

penyusunan semula tersebut adalah bertujuan untuk membubarkan Lembaga Pengelola yang akhirnya akan membawa kepada penghapusan SRJK(C).<sup>82</sup>

Oleh yang demikian, Sim Mow Yu menentang dan membantah dengan keras Laporan Aziz kerana “mengandungi niat jahat untuk menghapuskan pelajaran Cina di negara ini”.<sup>83</sup> Kecaman yang dibuat oleh Dong Jiao Zong telah mencapai kemuncaknya apabila satu mesyuarat agung peringkat seluruh negara di DPCS anjuran MCACECC. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Presiden MCA Tan Siew Sin membantah keras Laporan Aziz dan meminta kerajaan supaya mengekalkan kuasa autonomi dan struktur organisasi Lembaga seperti sedia kala demi memelihara ciri-ciri SRJK(C).<sup>84</sup>

Berhubung dengan bantahan ini, dalam satu pertemuan dengan rombongan Dong Jiao Zong di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 5 Disember 1971, Menteri Pendidikan Tun Hussein Onn telah memberi jaminan bahawa Lembaga Pengelola Sekolah bukan dibubar, tetapi hanya dibentuk dan dinamakan semula. Dari segi kuasanya pula, beliau menegaskan bahawa, selain daripada kuasa pengambilan dan pemberhentian kakitangan, kuasa-kuasa lembaga yang lain tetap tidak berubah seperti sediakala. Dalam hal ini, beliau mengibaratkan perubahan ini

---

<sup>82</sup> Temuramah dengan Chen Yukang, Pengurus Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Pahang di Pejabat GPGSCM, Kuala Lumpur pada 6 Disember 1999.

<sup>83</sup> ED 10.222, Surat dari Sim Mow Yu, Presiden GPGSCM kepada Ahli-Ahli Kabinet dan Calon Pilihanraya Parlimen Malaysia, 29 April 1969, Huazi Resource & Research Centre, Kuala Lumpur.

<sup>84</sup> Nanyang Siang Pau, 5 Disember 1971.

sebagai topi merah digantikan dengan topi hijau sahaja kerana ahli Lembaga Pengelola Sekolah yang baru adalah juga terdiri daripada ahli-ahli lembaga dahulu.<sup>85</sup> Pada asasnya, jaminan Tun Hussein Onn tersebut telah berjaya meredakan suasana dan mengurangkan keraguan Dong Jiao Zong terhadap motif sebenar kerajaan berkaitan dengan rombakan semula Lembaga Pengelola.

Walau bagaimanpun, kemelut yang menyelubungi masalah status quo dan kuasa autonomi Lembaga Pengelola diungkitkan semula pada tahun 1972. Ini berpunca daripada usaha kerajaan untuk meminda Akta Pelajaran 1961 berhubung dengan status quo Lembaga Pengelola di Parlimen. Tindakan tersebut adalah amat perlu untuk memperundangkan perakuan-perakuan Laporan Aziz terutamanya berkaitan dengan skim gaji dan syarat perkhidmatan guru. Ini kerana komplikasi undang-undang akan timbil sekiranya terdapat guru-guru U.T.S. enggan menjadi kaki tangan Lembaga Pusat sebaliknya mahu dikekalkan sebagai kaki tangan Lembaga Pengelola Sekolah yang sedia ada. Untuk mengelakkan kemungkinan ini berlaku, Lembaga Pengelola mesti dibubarkan bagi membolehkan guru-guru yang tidak menerima tawaran sebagai guru kerajaan dijadikan kaki tangan Lembaga Pusat.

Semasa membentangkan Rang Undang-Undang Pelajaran (Pindaan) 1972 di Parlimen pada 10 Januari 1972, Menteri Pendidikan Tun Hussein Onn telah

---

<sup>85</sup> Fail GPGSCM/Dongshibu[Lembaga Pengelola Sekolah], Surat dari Lim Fong Seng, Presiden PPLPSCM kepada Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, 12 Ogos 1977, GPGSCM, Kuala Lumpur.

menerangkan tujuan utama pindaan tersebut adalah untuk membuat peruntukan bagi menubuhkan Lembaga Pusat dan menggulung Lembaga Pengurus dan Lembaga Pengelola bagi sekolah-sekolah bantuan penuh bagi menguatkuaskan syor-syor Suruhanjaya Diraja mengenai Perkhidmatan Guru-Guru Malaysia Barat.<sup>86</sup> Berpandukan tujuan-tujuan tersebut, satu peruntukan yang membawa kepada pembubaran Lembaga Pengelola telah diketengahkan secara rasmi dalam pindaan berkenaan. Peruntukan Seksyen 26A (1) mempernyatakan bahawa:

*“On the date to be determined by the Minister, every board of managers and governors in any full assisted school or fully assisted educational institution shall be wound-up in such manners as the Minister may determine; and thereupon it shall cease to employ and to be the employers of teachers and other employees and every instrument of management or government pertaining to such school or educational institution shall cease to have effect.”<sup>87</sup>*

Selari dengan penggulungan Lembaga Pengelola Sekolah yang sedia ada, Seksyen 26A(3) telah memperuntukkan bahawa semua hak, kewajipan dan tanggungan berhubung dengan apa-apa perkara yang sebelum penggulungan adalah tanggungjawab Lembaga, akan dipindahkan kepada Lembaga Pusat.<sup>88</sup> Sementara Seksyen 26A(4) memberi kuasa kepada Menteri untuk menubuhkan sebuah Lembaga atau Jawatankuasa di sesbuah sekolah dan institusi pendidikan

---

<sup>86</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Pertama, Jilid I, Bil.47, 10 Januari 1972, hlm.5350.

<sup>87</sup> Malaysia, The Education (Amendment) Act 1972, Seksyen 26A(1).

<sup>88</sup> Ibid., Seksyen 26A(3).

bantuan penuh yang perlembagaan dan tugas-tugasnya akan ditentukan oleh Menteri.<sup>89</sup>

Para pemimpin Dong Jiao Zong begitu gusar terhadap Seksyen 26A tersebut. Mereka mengcam peruntukan itu bukan sahaja berniat jahat untuk menghapuskan Lembaga Pengelola SRJK(C), tetapi juga berkeinginan untuk menafikan hak kaum Cina untuk membela pendidikan ibundanya.<sup>90</sup> Bantahan mereka dengan segera mendapat reaksi yang senada daripada parti DAP. Misalnya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan di Parlimen, Lim Kit Siang beranggapan bahawa “...once this Bill is enacted into law, the death sentence would be passed on all School Boards of Management and Governors. It will be up to the Minister of Education to decide and declare the date of execution”.<sup>91</sup> Sehingga masa itu, menurut Lim Kit Siang, “the Government would be able to carry out conversion of all Chinese schools more unobtrusively and subtly, without attracting so much public agitation, indignation and protest”<sup>92</sup>. Akan tetapi, Senator V.Maminkavasagam amat tidak bersetuju dengan pandangan

---

<sup>89</sup> Ibid., Seksyen 26A(4).

<sup>90</sup> Fail GPGSCM/Seksyen 26A, Surat dari Dong Jiao Zong kepada En. Anwar Ibrahim, Menteri Pendidikan Malaysia, 28 September 1989, GPGSCM, Kuala Lumpur.

<sup>91</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Pertama, Jilid I, Bil.47, 10 Januari 1972, hlm.5369.

<sup>92</sup> Ibid., hlm.5376.

mereka. Beliau sebaliknya mengatakan bahawa “*the Bill does not seek to change or have anything to do with the media of instruction in our schools*”.<sup>93</sup>

Walau bagaimanapun, Tun Hussein Onn merasa amat kesal terhadap penggulungan Lembaga Pengelola Sekolah ini telah dipergunakan oleh setengah-setengah pihak untuk menuduh kerajaan kerana berniat buruk untuk menghancurkan bahasa dan pendidikan Cina. Katanya:

“*This particular recommendation of the Royal Commission has been exploited and interpreted as the Government's thin end of the wedge to destroy the Chinese language and cultures in this country. This vicious and racially dangerous interpretation has been made purposely to arouse emotional and racial feelings to gain political support. I deplore and I detest such tactics and conduct*”.<sup>94</sup>

Selanjutnya Tun Hussein Onn sekali lagi menegaskan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk membubarkan Lembaga Pengelola Sekolah tetapi berusaha untuk menyusun semula Lembaga tersebut. Oleh itu, beliau menjamin bahawa “*it has never been the government's intention...to do away completely with the School Boards*”.<sup>95</sup> Sebaliknya, katanya,

---

<sup>93</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Negara, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Pertama, Jilid 1, Bil.20, 7 Februari 1972, hlm.1411.

<sup>94</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Pertama, Jilid 1, Bil.47, 10 Januari 1972, hlm.5357.

<sup>95</sup> Ibid., hlm.5358.

*"The School Boards have and will continue to play an important role in the educational set up of our country. With the exception of their powers of hire and fire, the School Boards will continue to be great service to the community in that they would assist the Government in the general administration of the schools, act as an intermediary between schools and parents, raise funds from private sources and last, but no means least, actively engage themselves in the welfare and development of the schools."*<sup>96</sup>

Bagi menghilangkan keimbangan dan kegelisahan para pendidikan Cina terhadap penggulungan Lembaga Pengelola di SRJK(C) ini, pemimpin Gerakan, Lim Keng Yaik telah meminta Kerajaan supaya "*...maintain the status quo in the manner of appointment of the new School Boards which are to take the place of those wound up, and that the same designation be used to describe the reconstituted Chinese School Boards*".<sup>97</sup> Berhubung dengan permohonan ini, Tun Hussein Onn memberi jaminan bahawa Kementerian Pendidikan akan "*...in practice the majority of the present members will be invited to continued to serve on the Boards*".<sup>98</sup>

Sungguhpun demikian, MCACECC masih mendesak kerajaan mengeluarkan satu kenyataan rasmi berhubung dengan kedudukan dan kuasa Lembaga Pengelola. Selain itu, MCACECC mengkehendaki kerajaan memasukkan satu peruntukan khas ke dalam Akta Pelajaran (Pindaan) 1972 yang

---

<sup>96</sup> Ibid., hlm.5357.

<sup>97</sup> Ibid., hlm.5368-69.

<sup>98</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Negara, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Pertama, Jilid 1, Bil.20, 7 Februari 1972, hlm.1411.

menyatakan dengan jelas bahawa “status quo dan kuasa autonomi Lembaga Pengelola adalah tidak berubah, melainkan kuasa pengambilan dan pemberhentian kakitangan”.<sup>99</sup>

Selain itu, MCACECC juga berusaha untuk mengekalkan kuasa Lembaga Pengelola dari segi perlantikan guru besar. Tuntutan itu adalah selaras dengan cadangan Laporan Aziz yang menyatakan bahawa “...in exercising the powers of deployment and assignment of teachers, especially the head teachers, there should be maximum consultation between the individual Boards of the School so that this character is maintained”.<sup>100</sup> Tujuan utama syor Laporan Aziz itu adalah untuk menenangkan perasaan was-was rakyat terhadap status quo dan ciri-ciri khas sekolah terutamanya “conforming schools” dan sekolah Cina.

Lantaran itu, MCACECC mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya meminta pandangan daripada Lembaga Pengelola SRJK(C) berhubung dengan perlantikan guru besar. Untuk itu, Kementerian Pendidikan digesa untuk menghantar senarai nama calon-calon guru besar kepada Lembaga sekurang-kurangnya 30 hari sebelum perlantikan dibuat. Sekiranya calon-calon itu tidak dipersetujui oleh Lembaga Pengelola, Kementerian Pendidikan diminta untuk

---

<sup>99</sup> Memorandum MCACECC Mengenai Penyusunan Semula Lembaga Pengelola Sekolah kepada Datuk Hussein Onn, Menteri Pelajaran Malaysia, MCACECC, Kuala Lumpur, 8 Jun 1972.

<sup>100</sup> Malaysia, Report of the Royal Commission on the Teaching Services, West Malaysia, Perenggan 8.53.

memilih calon yang lain atau pun menyerahkan perkara ini diuruskan oleh satu Panel yang dilantik oleh pihak kerajaan.<sup>101</sup>

Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan hanya memperuntukan Seksyen 32(A) yang mempernyatakan bahawa Lembaga Pengelola dalam sebuah sekolah bantuan penuh atau sebuah yayasan bantuan penuh, boleh menulis surat kepada Menteri Pelajaran untuk membantah perlantikan guru besar dalam tempoh 30 hari selepas perlantikan itu dibuat. Akan tetapi keputusan Menteri Pendidikan tentang bantahan itu adalah muktamad.<sup>102</sup>

Akta Pelajaran (Pindaan) 1972 telah diluluskan dan disokong oleh majoriti ahli Parlimen.<sup>103</sup> Ini sememangnya merupakan satu tamparan hebat kepada Dong Jiao Zong dan Lembaga Pengelola SRJK(C). Sejak dari itu, kebimbangan mereka terhadap soal pembubaran Lembaga Pengelola seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26(A) sering menyelubungi pemikiran mereka. Misalnya semasa menjawab pertanyaan mulut dari Lim Kit Siang di Parlimen, Datuk Seri Mahathir Mohamad telah menekankan bahawa semua sekolah baru termasuk SRJK(C) tidak akan lagi mempunyai Lembaga Pengelola, sebaliknya sebagai gantinya sebuah Jawatankuasa Kewangan akan ditubuhkan.<sup>104</sup>

---

<sup>101</sup> Nanyang Siang Pau, 30 Disember 1971.

<sup>102</sup> Malaysia, The Education (Amendment) Act 1972, Clause 32(a).

<sup>103</sup> Rang Undang-Undang Pelajaran (Pindaan) 1972 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dengan mendapat 55 undi sokong, 15 undi tidak sokong. 5 orang ahli Parlimen tidak membuang undi mereka.

<sup>104</sup> Statement by UCSCAM, 28 October 1977.

Kemelut peruntukan Seksyen 26(A) Akta Pelajaran (Pindaan) 1972 timbul semula apabila guru-guru besar SRJK(C) menerima surat peringatan daripada Kementerian Pendidikan berhubung dengan status quo Lembaga Pengelola Sekolah. Pada 7 Februari 1977, Datuk Abdul Kadir B. Talib, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan telah mengirimkan surat kepada 17 guru besar SRJK(C) mengatakan bahawa:

“Sebagaimana yang tuan/puan maklum, semua Lembaga Pengurus/Pentadbir sekolah yang menerima bantuan penuh kerajaan akan dibubarkan mengikut seksyen 26A Akta Pelajaran 1961. Tarikh pembubaran Lembaga-Lembaga tersebut akan diumumkan oleh Y.A.B. Menteri Pendidikan kelak apabila segala masalah yang timbul akibat pembubaran Lembaga-Lembaga ini dapat diatasi”<sup>105</sup>.

Surat ini telah menimbulkan tentangan hebat daripada Dong Jiao Zong. Satu rombongan wakil dari Biro Pelajaran Pusat MCA diketuai oleh Michael Chen telah dihantar untuk mendapatkan penjelasan lanjut dari Kementerian Pendidikan pada 1 Mac 1977. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Menteri Pendidikan ketika itu, memberitahu bahawa kerajaan setakat itu memang tidak mempunyai rancangan untuk membubarkan Lembaga Pengelola yang sedia ada di sekolah-sekolah bantuan kerajaan.<sup>106</sup> Dua hari kemudian, rombongan dari Dong Jiao Zong telah berjaya bertemu dengan Datuk Murad Mohd. Noor, Ketua

---

<sup>105</sup> Memorandum Mengenai Lembaga Pengurus/Pengelola Sekolah Cina, dikemukakan oleh PPLPSCM kepada Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Pendidikan, pada 24 Mac 1977, hlm.1.

<sup>106</sup> Fail GPGSCM/Dongshibu[Lembaga Pengelola Sekolah], Surat dari Soo Tien Ming, Setiausaha Agung PPLPSCM kepada Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia, 15 Disember 1977, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Pengarah Pendidikan Malaysia. Beliau juga mengesahkan bahawa kerajaan tiada keinginan untuk membubarkan Lembaga Pengelola Sekolah.<sup>107</sup>

Berdasarkan kenyataan Menteri Pendidikan dan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia di atas, Kementerian Pendidikan akhirnya bersetuju untuk menarik balik arahan tersebut sebagai satu jalan tolak ansur. Penarikan tersebut mencerminkan ketidaksungguhan kerajaan ke arah pembubaran Lembaga Pengelola Sekolah terutamanya di SRJK(C). Sikap liberal dan toleransi kerajaan ini dapat dibuktikan melalui pembekuan kuasa Menteri Pendidikan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26(A) sehingga ia dimansuhkan dalam Akta Pendidikan 1996.

Sungguhpun kerajaan membekukan pembubaran Lembaga Pengelola Sekolah, namun peranan dan kuasanya sentiasa dikawal selia. Pada hakikatnya Lembaga Pengelola di **sekolah bantuan penuh** kerajaan tidak mempunyai fungsi lagi kerana hal pentadbiran dan pengurusan kewangan, kaki tangan, kemudahan dan pentadbiran sekolah adalah tanggungjawab Kementerian Pendidikan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Lembaga Pengelola Sekolah masih memainkan peranan dalam kutipan wang bagi projek-projek peningkatan kemudahan-kemudahan sekolah. Sementara di **sekolah bantuan modal**, fungsi Lembaga Pengelola Sekolah hanya terhad kepada pentadbiran tabung Lembaga

---

<sup>107</sup> Ibid.

itu sendiri, serta pengurusan bangunan dan tapak sekolah.<sup>108</sup> Namun demikian, Kementerian Pendidikan sering memperingatkan ahli-ahli Lembaga Pengelola SRJK(C) bahawa “tugasnya tidak meliputi urusan pentadbiran sekolah termasuklah tentang penempatan guru besar, guru atau pekerja sekolah”.<sup>109</sup>

Sebagai rumusannya, Kementerian Pendidikan telah bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru terlatih di semua sekolah rendah termasuk SRJK(C). Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan pada keseluruhannya tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut kerana kekangan-kekangan seperti masa, keperluan segera terhadap guru terlatih dan kemudahan fizikal di maktab perguruan. Tradisi SRJK(C) yang bebas dan tidak dihiraukan oleh penjajah British serta kaum Cina yang kurang minat dalam bidang keguruan juga mengakibatkan masalah tersebut sukar diatasi. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak senang hati di kalangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Justeru itu mereka telah mengemukakan pelbagai cadangan kepada Kementerian Pendidikan, walaupun ada di antaranya bercanggah dengan matlamat dasar pendidikan kebangsaan dan polisi Kementerian Pendidikan.

Dari segi kedudukan Lembaga Pengelola Sekolah, Kementerian Pendidikan sememangnya mengiktiraf tugas-tugas berkaitan dengan kebijakan

---

<sup>108</sup> Urus Setia Hal Ehwal Parlimen, Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama Parlimen Kelapan 21 Oktober 1991 Hingga 31 Disember 1991; Jawapan Soalan-Soalan Mulut dan Bertulis serta Ucapan Di Parlimen, hlm.157-158.

<sup>109</sup> 1998 Nian Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1998), GPGSCM, Kuala Lumpur, 1999, hlm.37.

yang dipikul olehnya. Ini termasuklah membantu guru besar dalam melicinkan lagi aktiviti di sekolah. Bagi sekolah bantuan modal, tugas Lembaga Pengelola juga termasuklah penyelenggarakan bangunan dan tapak sekolah. Walaupun Seksyen 26A(1) memberi kuasa kepada Menteri untuk menentukan tarikh dan cara bagaimana Lembaga Pengelola Sekolah dibubarkan, tetapi kuasa tersebut tidak pernah digunakan. Namun demikian, Dong Jiao Zong masih sentiasa berjaga-jaga dan berasa gelisah. Mereka berusaha dengan pelbagai strategi dan perantaraan untuk mendesak kerajaan memansuhkan seksyen berkenaan demi mempertahankan status quo Lembaga Pengelola Sekolah yang menjadi lambang autonomi dan identiti SRJK(C).